



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) KELANTAN, 2025

Kelantan mencatat pertumbuhan ekonomi yang mampan pada tahun 2025, dipacu oleh sektor Perkhidmatan

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI KELANTAN, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Uzir Mahidin, "Peningkatan ekonomi Kelantan pada tahun 2025 dicerminkan melalui nilai KDNK sebanyak RM29.8 bilion berbanding RM28.6 bilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus berbanding tahun sebelumnya."

Dari aspek komposisi ekonomi Kelantan, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan menyumbang sebanyak 71.8 peratus. Seterusnya, sektor Pertanian dan Pembuatan masing-masing menyumbang sebanyak 19.8 peratus dan 4.7 peratus. Sektor Pembinaan pula mencatatkan sumbangan sebanyak 2.0 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang 1.5 peratus.

Beralih ke prestasi ekonomi sektoral, pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan bertumbuh 4.0 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM21.4 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan yang berkembang 5.9 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun sebelumnya. Selain itu, subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan bertumbuh 2.9 peratus (2024: 3.3%). Subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT turut meningkat 3.4 peratus (2024: 2.4%).

Sektor Pertanian merekodkan nilai ditambah sebanyak RM5.9 bilion, meningkat 3.6 peratus berbanding 1.5 peratus pada tahun 2024. Ini dipacu oleh peningkatan dalam subsektor Tanaman sebanyak 4.8 peratus berbanding 5.2 peratus tahun sebelumnya. Subsektor Perhutanan dan pembalakan memulih 0.2 peratus setelah menyusut 17.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Pada masa sama, sektor Pembuatan melonjak 9.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2024: 2.2%) dengan nilai ditambah berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2025. Prestasi sektor ini disumbangkan oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal yang mengukuh kepada 15.1 peratus (2024: -2.2%). Pertumbuhan dalam sektor ini juga didorong oleh Produk petroleum, kimia, getah, dan plastik serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan & prosesan makanan, masing-masing 11.2 peratus dan 9.9 peratus.

Sementara itu, sektor Pembinaan berkembang 8.3 peratus (2024: 18.5%) dengan nilai ditambah sebanyak RM597.4 juta. Pertumbuhan prestasi sektor ini didorong oleh peningkatan dalam subsektor Pembinaan bangunan sebanyak 10.5 peratus.

Sektor Perlombongan & pengkuarian merosot 1.8 peratus pada tahun 2025 (2024: 9.4%) dengan nilai ditambah berjumlah RM459.5 juta.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Kelantan mencatatkan peningkatan RM663 dengan merekodkan RM18,085 berbanding tahun sebelumnya (2024: RM17,422).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Kelantan, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

KELANTAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Kelantan record sustained economic growth in 2025, driven by Services sector

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **KELANTAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Kelantan's economic improvement in 2025 is reflected in its GDP value of RM29.8 billion compared to RM28.6 billion in 2024 with a growth of 4.1 per cent."

In terms of Kelantan's economic composition, the Services sector dominated the state's economy by contributing 71.8 per cent. Next, the Agriculture and Manufacturing sectors contributed 19.8 per cent and 4.7 per cent, respectively. The Construction sector recorded a contribution of 2.0 per cent, while the Mining & quarrying sector contributed 1.5 per cent.

In terms of sectoral economic performance, the growth of Kelantan's economy was driven by Services and Agriculture sectors. The Services sector rose by 4.0 per cent as compared to the previous year, with a value added of RM21.4 billion. The Government services subsector contributed significantly to the sector's growth, expanding by 5.9 per cent from 4.4 per cent in the previous year. In addition, the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsector, rose 2.9 per cent (2024: 3.3%). Utilities, transportation & storage and ICT subsector also increased by 3.4 per cent (2024: 2.4%).

The Agriculture sector recorded a value added of RM5.9 billion, an increase of 3.6 per cent compared to 1.5 per cent in 2024. This growth was driven by a 4.8 per cent expansion in the Crops subsector compared to 5.2 per cent in the previous year. The Forestry and logging subsector recovered to 0.2 per cent after contracting 17.4 percent in the previous year.

At the same time, the Manufacturing sector surged by 9.3 per cent compared to the previous year (2024: 2.2%), with value added amounting to RM1.4 billion. The sector's performance was supported by the Electric, electronic and optical products, which strengthened by 15.1 per cent (2024: -2.2%). The growth was also supported by

Petroleum, chemical, rubber and plastic products as well as Vegetable and animal oils & fats, food processing of 11.2 per cent and 9.9 per cent respectively.

Meanwhile, the Construction sector expanded by 8.3 per cent (2024: 18.5%), with a value added of RM597.4 million. The sector's performance was driven by an increase in the Building construction subsector of 10.5 per cent.

The Mining & quarrying sector declined by 1.8 per cent in 2024 (2024: 9.4%), with an added value amounting to RM459.5 million.


Moving on to the GDP per capita performance, Kelantan recorded an increase of RM663 to register RM18,085 compared to the previous year (2024: RM17,422).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Kelantan's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**